

11 APR 2002

Khalil-Mesir/I

M'SIA DAN MESIR KUKUHKAN KERJASAMA SELATAN DALAM BIDANG MAKLUMAT

Oleh: Mokhtar Hussain

KAHERAH, 11 April (Bernama) -- Malaysia dan Mesir menjalin usaha sama untuk meningkatkan pertukaran program dan berita bagi memperkukuhkan Kerjasama Selatan-Selatan, terutama dalam bidang maklumat.

Kedua-dua negara mengesahkan kerjasama itu dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pertukaran berita, penyiaran radio dan televisyen.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob menandatangani perjanjian itu bagi pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) manakala rakan sejawatannya Muhammad Safwat EL Sherif, bagi pihak Kesatuan Radio dan Televisyen Mesir (ERTU).

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan dan Agensi Berita Timur Tengah (MENA) juga memeterai perjanjian yang sama, masing-masing oleh Ketua Pengarang Bernama, Jaafar Hussin dan Pengerusi Mena, Mahfouz El-Ansari.

Perjanjian antara RTM dan ERTU akan menyaksikan pertukaran program dan dokumentari radio dan televisyen manakala Bernama dan MENA akan bekerjasama dalam pertukaran dan pengedaran berita dan maklumat.

Safwat berkata MoU itu merupakan "perjanjian yang sangat baik" ke arah membaiki aliran maklumat antara Timur Tengah dan Asia Selatan manakala Khalil pula berkata ia akan membolehkan kedua-dua negara mengenali sesama sendiri dengan lebih baik.

Menurut Khalil, perjanjian itu akan membolehkan negara-negara Selatan mengurangkan pergantungan kepada berita-berita media Barat yang kadang-kala berat sebelah.

Langkah itu akan membantu merealisasikan idea Laluan Maklumat Selatan-Selatan (SSIG), katanya.

SSIG dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1999.

MENA adalah agensi berita utama di rantau Arab dan Afrika dan berada pada ranking ke-11 dalam senarai agensi berita antarabangsa. Dengan seramai 400 wartawan, agensi itu kini mengedar berita dalam bahasa Arab, Inggeris dan Perancis melalui satelit, meliputi Afrika, Asia, Eropah dan Selatan serta Amerika Utara.

Sebelum itu, Khalil mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Safwat sebelum melawat studio dan kemudahan penerbitan di bangunan ERTU yang terletak di tebing sungai Nil.

Yang turut hadir ialah Duta Malaysia ke Mesir, Datuk Abu Bakar Daud.

Sempena lawatan itu, Khalil ditemubual oleh Dina Othman dari Nile TV mengenai isu-isu membabitkan perjuangan rakyat Palestin.

Ditanya apa yang boleh dilakukan bagi menghentikan serangan tentera terhadap penduduk Palestin, Khalil berkata Malaysia sentiasa yakin bahawa konflik perlu diselesaikan kerana "sebarang tindakan tidak lateral tidak akan berhasil"

Sementara itu, Jaafar berkata Bernama berharap dapat menandatangani lebih banyak perjanjian seperti ini dengan negara-negara Selatan, terutama dunia Islam.

Selepas Mesir, Khalil yang mengetuai delegasi lapan anggota, akan ke Beirut untuk menjalin kerjasama dengan Lebanon.

Semasa lawatan ke sini, delegasi Malaysia turut melawat Bandaraya Media Mesir atau "Hollywood Timur Tengah" yang mempunyai kemudahan terancang untuk penerbitan filem, program televisyen, pengiklanan dan dokumentari.

Ia turut menawarkan profesional filem dan video teknologi penerbitan dan paska penerbitan di kawasan seluas dua juta meter persegi yang terletak di pinggir bandar, berhampiran Piramid Giza.

-- BERNAMA

MOK LAT